

PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS) (Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out this Product. Be sure to also read the general terms and conditions of this Policy)	RHB Insurance Berhad
	Easy-Insurans Kasih Critical Illness (EIKCI)
	Date :

1. What is this product?

This is a comprehensive health insurance that will protect the Insured against any financial impact that may arise as a result of diagnosis of any of the 36 Critical Illness.

2. What are the covers/benefits provided?

Table of Benefits :

Benefits Table	Plan 1 Principal Sum Insured (RM)	Plan 2 Principal Sum Insured (RM)	Plan 3 Principal Sum Insured (RM)
Critical Illnesses Benefit (Lump Sum Payment)	50,000	100,000	200,000
Loyalty Benefit	Sum Insured will be increased by 10% each year upon renewal up to a maximum of 50% provided no claims has been made under the policy		
Additional 10% pay out upon diagnose with any of the 6 listed Critical Illnesses	55,000	110,000	220,000

Duration of cover is **one (1) year**. You need to renew your insurance cover **annually**.

3. How much premium do I have to pay?

Entry Age (Age Next Birthday)	Plan 1 Annual Premium (RM)		Plan 2 Annual Premium (RM)		Plan 3 Annual Premium (RM)	
	Male	Female	Male	Female	Male	Female
30 days - 17 years	54.06	31.80	108.12	64.66	216.24	128.26
18 - 35	104.94	143.10	208.82	285.14	418.70	571.34
36 - 45	352.98	467.46	705.96	934.92	1,412.98	1,868.78
46 - 55	1,013.36	843.76	2,025.66	1,688.58	4,051.32	3,377.16
56 - 60	2,005.52	1,299.56	4,011.04	2,600.18	8,021.02	5,200.36
61 - 65 (renewal only)	3,238.30	1,926.02	6,476.60	3,853.10	12,952.14	7,705.14
66 - 70 (renewal only)	4,764.70	2,600.18	9,529.40	5,201.42	19,057.74	10,402.84

Premium shown is GST inclusive. Please take note that RM10 of stamp duty shall be charged.

The Company may revise the renewal premium subject to claims history.

4. What are the fees and charges that I have to pay?

Type	Amount
<ul style="list-style-type: none"> Commission (if any) Stamp Duty 	<ul style="list-style-type: none"> 15% of the premium payable will be paid to the Easy by RHB RM10.00

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

a) Importance of Disclosure (Statement Pursuant to Schedule 9 of the Financial Services Act 2013)

You are required by Law to tell us all facts that you know or are expected to know about the health of all those applying for Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance wholly for yourself/family/dependants, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

b) Waiting Period

The eligibility for benefits under the policy will only start 30 days after the Effective Date of the Policy.

c) Cooling-off period

If this policy shall have been issued and for any reason whatsoever you have decided not to take up the policy, you may return the policy to the company for cancellation provided such request for cancellation is delivered to the company within 15 days from the date of the policy delivery. The company will refund you the full premium paid less stamp duty incurred by the company in the issued of this policy.

d) Survival Period

Means duration of 30 days from and including the date of diagnosis of the Critical Illness after the policy waiting period.

e) Pre-Existing Illness

Mean disabilities that the Insured Person has reasonable knowledge of. An Insured Person may be considered to have reasonable knowledge of a pre-existing condition where the condition is one for which:-

- The Insured Person had received or is receiving treatment;
- Medical advice, diagnosis, care or treatment has been recommended;
- Clear and distinct symptoms are or were evident; or
- Its existence would have been apparent to a reasonable person in the circumstances.

f) Critical Illnesses

Means any of the following illnesses:

- | | |
|--|---|
| 1. Stroke | 19. Poliomyelitis |
| 2. Heart Attack | 20. Heart Valve Surgery |
| 3. Kidney failure | 21. Terminal Illness |
| 4. Cancer | 22. Loss Of Independent Existence |
| 5. Coronary Artery Disease | 23. Medullary Cystic Disease |
| 6. End-Stage Liver Disease | 24. Bacterial Meningitis |
| 7. Fulminant Viral Hepatitis | 25. Major Head Trauma |
| 8. Coma | 26. Cardiomyopathy |
| 9. Benign Brain Tumor | 27. Chronic Aplastic Anaemia |
| 10. Paralysis of Limbs | 28. Motor Neuron Disease |
| 11. Blindness | 29. Parkinson's Disease |
| 12. Loss of Hearing/Deafness | 30. Alzheimer's Disease/ Severe Dementia |
| 13. Third Degree Burns | 31. Apallic Syndrome |
| 14. HIV Infection Due To Blood Transfusion | 32. Muscular Dystrophy |
| 15. End-Stage Lung Disease | 33. Surgery to Aorta |
| 16. Encephalitis | 34. Multiple Sclerosis |
| 17. Major Organ/ Bone Marrow Transplant | 35. Primary Pulmonary Arterial Hypertension |
| 18. Loss of Speech | 36. Systemic Lupus Erythematosus with Severe Kidney Complications |

g) 6 Listed Critical Illness:

Male : Colon cancer, prostate cancer, liver cancer, testicular cancer, nasal cancer and cardiomyopathy

Female: Breast cancer, ovarian cancer, uterus cancer, cancer of the fallopian tubes, cervix cancer and cardiomyopathy

h) Claims Procedure

In the event of an admission or claim, kindly contact our hotline number at 1-300-220-007.

i) Cash Before Cover

It is hereby declared and agreed that it is a fundamental and absolute special condition of this contract of insurance that the premium due must be paid and received by the insurance company before cover commences.

j) Importance of Keeping the Official Receipt

After the premium has been paid, please make sure you have been given an Official Receipt as a proof of payment. You are strongly advised to keep the Official Receipt for any future references.

k) Policy Issuance

The Policy Schedule will be delivered to you within 30 working days from the date of your application approved.

6. What are the major exclusions under this policy?

Some major exclusions:

- a) Pre-existing illnesses
- b) Any condition that results from the use, existence or escape of nuclear weapons material or ionizing radiation from or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or nuclear waste from the combustion of nuclear fuel.
- c) Insanity, intentional self-inflicted injuries, suicide or any attempt thereat while sane or insane.
- d) Critical Illness diagnosed during the Waiting Period as defined in the Definition section of this Policy except for Total and Permanent Disability arising out of accidental event.
- e) Disease/Disability resulting from Acquired Immuno Deficiency Syndrome (AIDS), AIDS related complex or infection by Human Immuno Deficiency Virus (HIV) except the condition or disease or infection arose as a result of blood transfusion.

- f) Any act of terrorism
It is agreed that, regardless of any contributory cause(s), this Policy does not cover any loss(es) in any way caused or contributed to by an act of terrorism involving the use or release or the threat thereof of any nuclear weapon or device or chemical or biological agent. For the purpose of this exclusion, an act of terrorism means an act including but not limited to the use of force or violence and/or the threat thereof, of any person or group(s) of persons, whether acting alone or on behalf of or in connection with any organization(s) or government(s), committed for political, religious, ideological or similar purposes including the intention to influence any government and/or to put the public, or any section of the public, in fear. It also excludes loss, damage, cost or expenses of whatsoever nature directly or indirectly caused by, resulting from or in connection with any action taken in controlling, preventing, suppressing or in any way relating to this act above. If the Company alleges that by reason of this exclusion, any loss, damage, cost or expenses is not covered by this policy the burden of proving the contrary shall be upon the Insured Person. In the event any portion of this exclusion is found to be invalid or unenforceable, the remainder shall remain in full force and effect.
- g) Nuclear or chemical contamination, war, invasion, act of foreign enemy hostilities (whether war be declared or not) civil war, rebellion, revolution, direct participation in riot, strike and civil commotion, insurrection or military or usurped power, or active duty in any of the armed forces.
- h) Childbirth, miscarriage, pregnancy or abortion.
- i) Intoxication by alcohol or drugs (other than those prescribed by a qualified registered Medical Practitioner).
- j) In addition to the above exclusions, the Company will not pay the benefit for any claims arising out of bodily injury sustained as a result of accident by the Insured Person, while engaging in or involving with Air Force, Police, Security Guard, Naval, Army/Military and law enforcement officers, Aircraft testers, pilots or crew, Divers, Racing Drivers, Jockeys, Persons engaged in professional sports activities, Persons engaged in underground mining and tunneling, Firemen, Seamen and sea fishermen, War Correspondents, Oil rig workers, Steeplejacks, Stevedores, Persons engaged in demolition of buildings, Persons engaged in ambulance services, Sawyers, timber logging workers, drivers/attendants of timber lorries and winches, Wood working machinists, Explosive handlers and other Toxic Materials, Ship crew, Shipbuilding and Ship Repair Workers, Work involves handling of Boilers or Pressure Vessels, Circus Performance and Stuntman. The insurer reserves absolute discretion to decline coverage for any Insured Person even if the Insured Person is not involved in any of the occupations state above.
- k) While hunting, ice-hockey, polo-playing, steeple-chasing, winter sports, yachting, water-ski jumping, under-water activities involving the use of breathing apparatus or using wood-working machinery driven by mechanical power, racing (other than on foot), pace-makings or participating in any speed-test, reliability or other speed trials and hang-gliding.
- l) While traveling in as an aircraft as a member of the crew, except as a fare-paying passenger in an aircraft licensed for passengers service. For the purpose of this exclusion the Insured Person will not be covered if he is involved in any technical operation or navigation whilst in the aircraft.
- m) While participating or practicing for the taking part in any sports in a professional capacity.
- n) While violating or any attempt of violation of the law or resistance to lawful arrest.

Note: This is non-exhaustive. Please refer to policy documents for full details.

7. Can I cancel my policy?

This Policy may be cancelled by the Policyholder at any time by giving a written notice to the Company and provided that no claims have been made during the current policy year. The Policyholder shall be entitled to a short period refund of the premium.

8. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contract details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

9. Where can I get further information?

Should you require additional information about medical and health insurance, please refer to the *insuranceinfo* booklet on 'Medical and Health Insurance', available at all our branches or visit www.insuranceinfo.com.my

If you have any enquiries, please contact us at:

RHB INSURANCE BHD (38000-U) is registered under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

Level 12B, West Wing,

The Icon, No 1/68F

Jalan Tun Razak,

50400, Kuala Lumpur

Tel : 1-300-220-007; Fax : 03-2163 7277

Website : www.rhbgroup.com

10. Other types of Medical and Health Insurance cover available

Please ask your insurer / intermediary for other types of plans offered by the insurer.

IMPORTANT NOTE :

YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS POLICY WILL BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE INTERMEDIARY OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

LAMPIRAN PENERANGAN PRODUK (PDS)

(Sila baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan membeli produk ini. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat polisi ini)

RHB Insurance Berhad
Easy-Insurans Kasih Critical Illness (EIKCI)

Tarikh :

1. Apakah produk ini?

Ini adalah pelan insurans kesihatan yang akan melindungi anda dari krisis kewangan yang mungkin timbul apabila anda didiagnos dengan 36 penyakit kritikal.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang di berikan?
Jadual Manfaat :

Jadual Manfaat	Pelan 1 Nilai Insurans Prinsipal (RM)	Pelan 2 Nilai Insurans Prinsipal (RM)	Pelan 3 Nilai Insurans Prinsipal (RM)
Manfaat Penyakit Kritikal (Pembayaran sekaligus)	50,000	100,000	200,000
Faedah Kesetiaan	Jumlah Prinsipal Insurans akan ditambah sebanyak 10% setiap tahun sehingga maksima 50% daripada Jumlah Prinsipal Insurans dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah polisi ini		
Bayaran tambahan sebanyak 10% jika didiagnos dengan mana-mana daripada 6 Penyakit Kritikal yang tersenarai	55,000	110,000	220,000

Tempoh perlindungan adalah **satu (1) tahun**. Anda dikehendaki memperbaharui perlindungan insurans anda **setiap tahun**.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Kelayakan Umur (Umur Semasa Tarikh Hari Lahir Yang Akan Datang)	Pelan 1 Premium Tahunan (RM)		Pelan 2 Premium Tahunan (RM)		Pelan 3 Premium Tahunan (RM)	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
30 hari - 17 tahun	54.06	31.80	108.12	64.66	216.24	128.26
18 - 35	104.94	143.10	208.82	285.14	418.70	571.34
36 - 45	352.98	467.46	705.96	934.92	1,412.98	1,868.78
46 - 55	1,013.36	843.76	2,025.66	1,688.58	4,051.32	3,377.16
56 - 60	2,005.52	1,299.56	4,011.04	2,600.18	8,021.02	5,200.36
61 - 65 (pembaharuan sahaja)	3,238.30	1,926.02	6,476.60	3,853.10	12,952.14	7,705.14
66 - 70 (pembaharuan sahaja)	4,764.70	2,600.18	9,529.40	5,201.42	19,057.74	10,402.84

Premium yang dipaparkan adalah termasuk GST. Sila ambil perhatian bahawa Duti Setem sebanyak RM10 akan dikenakan.

Pihak Syarikat mungkin mengubah premium pembaharuan, tertakluk kepada sejarah tuntutan.

4. Apakah bentuk bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
<ul style="list-style-type: none"> Komisen (jika ada) Duti Setem 	<ul style="list-style-type: none"> 15% daripada jumlah premium dibayar kepada Easy by RHB RM10.00

5. Apakah terma-terma penting dan syarat-syarat yang perlu saya tahu?
a) Kepentingan Pendedahan Maklumat (Kenyataan Menurut Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013)

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk diri sendiri/keluarga/tanggungan, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

b) Tempoh Menunggu

Kelayakan bagi manfaat di bawah polisi ini hanya akan bermula 30 hari selepas Tarikh Efektif polisi.

c) Tempoh Bertenang

Jika polisi ini telah dikeluarkan dan untuk apa jua sebab anda telah membuat keputusan untuk tidak mengambil polisi ini, anda boleh memulangkan polisi ini kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan pembatalan itu di hantar kepada Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari daripada tarikh penghantaran polisi. Syarikat akan memulangkan keseluruhan premium yang telah dibayar ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh Syarikat dalam mengeluarkan polisi ini.

d) Tempoh Kewujudan

Bermakna tempoh selama 30 hari daripada dan termasuk tarikh diagnosis penyakit kritikal setelah tempoh menunggu pemegang polisi.

e) Penyakit Sedia-Ada

Bermakna hilang upaya yang diketahui sewajarnya oleh pemegang polisi. Pemegang polisi dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:

- Pemegang polisi telah atau sedang menerima rawatan;
- Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
- Gejala yang jelas dan tepat atau telah dilihat dengan nyata, atau
- Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

f) Penyakit Kritikal

Bermaksud mana-mana penyakit seperti berikut:

- | | |
|---|--|
| 1. Strok/ Angin Ahmar | 19. Poliomiellitis |
| 2. Serangan jantung | 20. Pembedahan Injap Jantung |
| 3. Kegagalan Buah Pinggang | 21. Penyakit Terminal (Membawa Maut) |
| 4. Kanser | 22. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri |
| 5. Penyakit Arteri Koronari | 23. Penyakit Sistik Medullari |
| 6. Kegagalan Hati Tahap Akhir | 24. Meningitis Bakteria |
| 7. Hepatitis Virus Fulminan | 25. Trauma Kepada Major (Teruk) |
| 8. Koma | 26. Kardiomiopati |
| 9. Tumor Otak Benign | 27. Anemia Aplastik Kronik |
| 10. Kelumpuhan Anggota | 28. Penyakit Neuron Motor |
| 11. Buta | 29. Penyakit Parkinson |
| 12. Kehilangan Pendengaran/Pekak | 30. Penyakit Alzheimer |
| 13. Kelecuran Tahap Ketiga | 31. Sindrom Apalik |
| 14. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah | 32. Distrofi Otot |
| 15. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir | 33. Pembedahan Aorta |
| 16. Ensefalitis | 34. Sklerosis Multipel |
| 17. Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang | 35. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer |
| 18. Hilang Keupayaan Bertutur | 36. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk |

g) 6 Senarai Penyakit Kritikal

Lelaki : Kanser Kolon, Kanser Prostat, Kanser Hati, Kanser Buah Zakar, Kanser Nasal dan Kardiomiopati.

Perempuan : Kanser Payudara, Kanser Ovari, Kanser Rahim, Kanser Tiub Fallopien, Kanser Servik dan Kardiomiopati.

h) Prosedur Tuntutan

Sekiranya kemasukkan ke hospital atau ingin membuat tuntutan, sila hubungi RHB Insurans Berhad di 1-300-22-0007

i) Tunai Sebelum Perlindungan (CBC)

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa adalah menjadi asas dan syarat khas mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat Insurans sebelum perlindungan bermula.

j) Kepentingan Menyimpan Resit Rasmi

Setelah premium dibayar, sila pastikan anda diberi resit rasmi sebagai bukti pembayaran. Anda dinasihatkan supaya menyimpan resit rasmi sebagai rujukan pada masa akan datang.

k) Penghantaran Polisi

Jadual Polisi akan dihantar kepada anda dalam tempoh 30 hari selepas tarikh permohonan anda diluluskan.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Pengecualian utama adalah:

- a) Penyakit Sedia-ada
- b) Sebarang keadaan akibat daripada penggunaan bahan senjata nuklear atau pengionan atau pencemaran radioaktif daripada bahan buangan nuklear atau pembakaran bahan api nuklear.
- c) Gila, kecederaan kepada diri sendiri yang disengajakan, bunuh diri atau sebarang percubaan melakukannya sama ada sedang dalam keadaan waras atau tidak waras.
- d) Penyakit Kritikal didiagnos semasa Tempoh Menunggu seperti ditakrifkan dalam seksyen Definasi polisi ini kecuali menghadapi hilang Upaya Total dan Kekal akibat daripada kejadian kemalangan.
- e) Penyakit / Ketidakupayaan berpunca daripada Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), AIDS Kompleks yang berkaitan atau jangkitan melalui Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) kecuali keadaan atau penyakit atau jangkitan akibat daripada pemindahan darah.
- f) Sebarang tindakan keganasan

Adalah dipersetujui bahawa, tanpa mengambil kira apa-apa faktor, polisi ini tidak melindungi apa jua cara yang disebabkan atau diakibatkan oleh tindakan keganasan yang melibatkan penggunaan atau pembebasan atau ancaman oleh mana-mana senjata nuklear atau peranti atau bahan kimia atau agen biologi.

Bagi tujuan pengecualian ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan / atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian

orang awam berada dalam ketakutan. Ia juga tidak termasuk sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan bagi apa jua keadaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca dari atau berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil di dalam mengawal, menghalang, atau di dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan kejadian di atas. Sekiranya Syarikat menganggap dengan sebab pengecualian ini, sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh polisi ini adalah menjadi tugas Pihak Diinsuranskan untuk membuktikan sebaliknya. Jika berlaku keadaan dimana sebarang bahagian pengecualian ini dianggap tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, selainnya akan terus dianggap berkuatkuasa dan boleh digunapakai.

- g) Pencemaran nuklear atau kimia, peperangan, serangan, tindakan musuh asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penglibatan anda didalam rusuhan atau kekacauan awam, kebangkitan pihak tentera atau kuasa lain, undang-undang tentera atau bertugas secara aktif di dalam mana-mana tentera.
- h) Melahirkan anak, keguguran, mengandung atau menggugurkan kandungan.
- i) Kesan atau pengaruh alkohol atau dadah (selain daripada dadah yang disarankan oleh Pengamal Perubatan berdaftar).
- j) Sebagai tambahan untuk pengecualian di atas, Syarikat tidak akan membayar manfaat untuk sebarang tuntutan yang timbul akibat kecederaan badan yang dialami akibat kemalangan oleh Pihak Diinsuranskan:
Penambahan daripada pengecualian di atas, pihak Syarikat tidak akan membayar manfaat untuk tuntutan yang timbul akibat daripada kecederaan tubuh badan yang wujud akibat kemalangan oleh Pihak Diinsuranskan; semasa berkerja atau terlibat dengan Tentera Udara, Polis, Pegawai Keselamatan, Tentera Laut, Pegawai penguatkuasa undang-undang, Penguji kapalterbang, juruterbang atau krew, krew kapal, Penyelam, Pemandu kereta lumba/Penunggang, "Jockeys", Orang yang terlibat dengan aktiviti sukan professional, Orang yang terlibat dengan lombong bawah tanah dan kerja terowong, Ahli Bomba, Nelayan laut dan pekerja di laut, Wakil Peperangan, Pekerja pelantar minyak, "Steeplejacks", "Stevedores", Orang yang terlibat di dalam meruntuhkan bangunan, Orang yang terlibat dalam perkhidmatan ambulans, Pembalok, pekerja-pekerja balok, pemandu/ pengiring lori balok dan mesin, Orang yang mengendalikan mesin kerja kayu, Pengendali Bahan Letupan dan bahan-bahan toksik yang lain, Anak kapal, Orang yang membina kapal dan Orang yang membaiki kapal, Pekerjaan yang terlibat dengan menguruskan dandang atau tekanan (boilers & pressure vessels), pelakon sarkas, pelakon lagak ngeri.
- k) Semasa memburu, hoki-ais, bermain polo, lumba kuda, ski musim sejuk, kapal layar, lompatan ski-air, aktiviti dalam air yang melibatkan penggunaan alat pernafasan (scuba), aksi pertahanan diri atau tinju, menggunakan mesin kayu yang berkuasa mekanikal, berlumba (melainkan yang menggunakan kaki), penetap-kelajuan atau terlibat di dalam sebarang ujian kelajuan, ujian ketahanan atau lain-lain ujian kelajuan dan glider, aktiviti udara termasuk payung terjun, ski-udara dan "hang-glider".
- l) Semasa dalam perjalanan dalam kapalterbang sebagai krew, melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam kapalterbang yang dilesenkan untuk membawa penumpang. Untuk tujuan pengecualian ini Pihak Diinsuranskan tidak akan dilindungi jika beliau terlibat dengan sebarang operasi teknikal atau navigasi semasa didalam kapalterbang.
- m) Semasa bertanding atau berlatih untuk bertanding dalam sebarang jenis sukan secara professional.
- n) Semasa sedang melakukan atau dalam percubaan untuk melakukan sebarang tindakan jenayah.

Nota: Ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi dokumen untuk keterangan lanjut.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pihak Diinsuranskan pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada pihak Syarikat; dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh tahun polisi, Pihak Diinsuranskan berhak kepada bayaran balik premium.

8. Apakah yang perlu dilakukan seandainya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda dalam masa yang tepat.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada buku kecil *info insurans* berkenaan 'Insurans Perubatan dan Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

RHB INSURANCE BERHAD (38000-U) didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Tingkat 12B, West Wing, The Icon

No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,

55000 Kuala Lumpur

Telefon. : 1300-220-007; Faksimili : 03-2163 7277

Laman web: www.rhbgroup.com

10. Lain-lain perlindungan insurans perubatan dan kesihatan yang boleh di dapati

Sila rujuk kepada pihak insurans anda/pengantara untuk lain-lain pelan insurans yang ditawarkan.

NOTIS PENTING :

ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PEGAWAI BANK ATAU HUBUNGI PIHAK INSURANS TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.